

**NO. SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQUULLAH  
[ KUBANG KERIAN ]**

**TARIKH : 14MAC 2016**

**RUJUKAN : 8574**

**SOALAN:**

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [ Kubang Kerian ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dengan kebanjiran pendatang asing ke Malaysia, berapakah jumlah kadar jenayah yang telah disumbangkan oleh mereka dalam 5 tahun terakhir ini.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius penglibatan warga asing dalam aktiviti-aktiviti jenayah sama ada yang datang untuk bekerja, belajar atau yang melancong ke negara ini. Gejala ini jika tidak dibendung boleh menimbulkan perasaan takut dan menyebabkan kegusaran kepada penduduk tempatan.**

**Statistik jumlah kes melibatkan warganegara asing dalam jenayah indeks di seluruh negara pada tahun 2011 sehingga 2015 seperti berikut:-**

**JUMLAH REPOT TANGKAPAN WARGANEGERA ASING MULAI  
TAHUN 2011 HINGGA 2015.**

KESALAHAN	TAHUN 2011	TAHUN 2012	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015
<b>JENAYAH KEKERASAN :</b>					
BUNUH	46	66	216	269	247
ROGOL	34	52	145	175	140
SAMUN BERKAWAN BERS/API	22	34	160	145	118
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	153	333	1,694	1,442	1,220
SAMUN BERSENJATAPI	1	5	32	22	40
SAMUN TANPA S/API	34	156	676	544	576
MENCEDERAKAN	106	133	492	738	776
<b>JUMLAH</b>	<b>396</b>	<b>779</b>	<b>3,415</b>	<b>3,335</b>	<b>3,117</b>
<b>JENAYAH HARTABENDA :</b>					
CURI	148	257	1,576	2,797	2,732
CURI MOTOKAR	15	25	740	1,003	1,047
CURI MOTOSIKAL	78	149	2,257	1,696	1,345
CURI VAN/LORI/J'BERAT	2	5	75	93	75
CURI RAGUT	13	36	643	470	347
PECAH RUMAH DAN CURI	152	324	4,885	4,603	3,996
<b>JUMLAH</b>	<b>408</b>	<b>796</b>	<b>10,176</b>	<b>10,662</b>	<b>9,542</b>
<b>JUMLAH KES</b>	<b>804</b>	<b>1,575</b>	<b>13,591</b>	<b>13,997</b>	<b>12,659</b>